

Headline **Inovasi penting pacu negara**  
Date **08. Oct 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **V4**  
Article Size **294** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **13474.69**



# Inovasi penting pacu negara

Kerajaan sedia insentif, elaun khas melalui Bajet 2009



**K**EUPAYAAN mencipta inovasi amat penting untuk memberikan impak positif dalam menyaini penciptaan teknologi dunia kerana ia satu-satunya kaedah yang berkesan bagi industri kompetitif.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Joh-nity Ongkili, berkata kerajaan menyedari kepentingan inovasi itu dengan menyediakan insentif dan elaun khas yang dimuatkan dalam Bajet 2009 dibentangkan baru-baru ini.

"Ia adalah sebahagian daripada pemacuan ekonomi dalam industri perkhidmatan yang memerlukan mereka memilih langkah baru iaitu melalui inovasi," katanya ketika berucap di Forum Inovasi IBM-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, baru-baru ini.

Pada majlis sama, IBM Malaysia Sdn Bhd (IBM Malaysia) menjalin kerjasama



**BINCANG...**Ongkili (kiri) berkata sesuatu kepada Ou ketika Forum Inovasi IBM-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

strategik dengan 11 institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk membangunkan kurikulum pelbagai disiplin Sains Perkhidmatan, Pengurusan dan Kejuruteraan (SSME).

Pengarah Urusan IBM Malaysia, Ou Shian Wei, berkata kerjasama syarikat itu dengan institusi pengajian tinggi serta sokongan kerajaan menggambarakan komitmen semua pihak terbabit untuk menyediakan

asas yang dapat menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan negara.

"Disiplin akademik baru itu (SSME) akan menggabungkan pembelajaran dalam bidang sains komputer, sains kognitif dan sosial, penyelidikan operasi, kejuruteraan industri, strategi perniagaan serta sains pengurusan," katanya.

Menurutnya, setiap universiti yang terbabit dalam kerjasama

ini akan membangunkan SSME mengikut fokus masing-masing dan IBM hanya menyediakan rangka kurikulum baru ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata pendekatan baru dan kerjasama inovatif dalam bidang pendidikan amat ditagih dalam membina ekonomi negara berasaskan pengetahuan ke satu tahap yang baru.

SSME mula dibangun dan diperkenalkan oleh gergasi perkomputeran dunia itu pada 2004, selepas bekerjasama dengan pelbagai syarikat dan universiti di seluruh dunia.

11 IPT yang terbabit dalam kerjasama itu termasuk Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Multimedia, Asia Pacific University College of Technology and Innovation dan Kolej INTI.